



UNDANG-UNDANG BRUNEI DARUSSALAM

PENGGAL 3

SUMPAH DAN PENGAKUAN

Disediakan dan Diterbitkan di bawah
Kebenaran Akta Semakan Undang-Undang (Penggali 1)

UNDANG-UNDANG BRUNEI

EDISI SEMAKAN 1984

PENGGAL 3

SUMPAH DAN PENGAKUAN

SUSUNAN BAB

Bab

1. Gelaran pendek.
2. Pengegaan Akta.
3. Kuasa memberi sumpah dan pengakuan.
4. Orang yang mengangkat sumpah.
5. Pengakuan boleh dibuat manakala sumpah yang dikehendaki.
6. Keterangan dari orang belum baligh.
7. Bentuk sumpah dan pengakuan.
8. Kuasa mahkamah menawar sumpah atau pengakuan yang tertentu.
9. Tatacara jika satu pihak menawar akan terikat oleh sumpah atau pengakuan.
10. Perbicaraan dan keterangan tidak akan dibatal oleh ketinggalan sumpah atau di luar aturan.
11. Orang-orang memberi keterangan wajib menyata dengan benar.
12. Hukuman ringkas kerana berdusta dalam mahkamah terbuka.

AKTA SUMPAH DAN PENGAKUAN

Satu Akta untuk mengisytiharkan undang-undang berkenaan sumpah dan pengakuan.

2 tahun 1939
(Penggagal 3
tahun 1951)
10 tahun
1958 7 tahun
1956

Permulaan kuatkuasa : 8hb September, 1958.

1. Akta ini boleh digelar sebagai Akta Sumpah dan Pengakuan.

Gelaran
Pendek.

2. Tiada sebarang apa pun yang di dalam Akta ini boleh dikenakan dalam perbicaraan di hadapan Mahkamah Tentera.

Pemakaian
Akta.

3. Semua Mahkamah dan orang yang ada berkuasa menerima keterangan bicara, kerana undang-undang, atau kerana hukuman diperintah oleh sebarang mahkamah, atau kerana persetujuan pihak-pihak bicara itu, adalah diberikan kuasa bagi memberi sumpah dan pengakuan, dengan sendiri, atau menerusi pegawai yang diberi kuasa oleh mereka melakukannya, diketika menyelesaikan kewajipan-kewajipan mereka atau diketika menjalankan kuasa-kuasa yang diberi kepada mereka itu berturut-turut seperti tersebut tadi.

Kuasa
memberi
sumpah dan
pengakuan.

4. (1) Dengan tertakluk kepada syarat-syarat bab 5, maka hendaklah sumpah itu diangkat oleh orang-orang yang berikut ini —

Orang yang
mengangkat
sumpah.

(a) saksi-saksi, iaitu semua orang yang boleh diperiksa dengan sahnya, atau boleh memberi atau dikehendaki memberi keterangan, oleh atau di hadapan mana-mana mahkamah ataupun orang yang mempunyai kuasa memeriksa orang seumpama itu ataupun menerima keterangan seperti disebut di dalam bab 3 ;

(b) juru-juru bahasa bagi soalan-soalan yang disoal kepada dan keterangan yang diberi oleh saksi-saksi ;

(c) penterjemah-penterjemah ; dan

(d) pengapit-pengapit hakim.

(2) Maka tidak suatu apa pun di dalam bab ini akan menyebabkan mustahak memberi sumpah supaya dia akan menyelesaikan kewajipan-kewajipan itu dengan taat kepada juru-jurubahasa rasmi bagi mana-mana mahkamah atau kepada seorang jurubahasa yang diperakui yang di dalam gajian Kerajaan, apabila dia itu sedang melakukan kewajipan-kewajipannya, iaitu selepas jurubahasa yang rasmi atau yang diperakui seumpama itu telah memulakan kewajipan-kewajipan jawatannya itu.

Pengakuan boleh dibuat manakala sumpah yang dikehendaki.

5. Manakala seseorang itu dikehendaki mengangkat sumpah oleh Akta ini ataupun mana-mana undang-undang bertulis yang lain maka kehendak itu adalah dianggap dituruti sekiranya diperbuatkan satu pengakuan.

Keterangan dari orang belum baligh.

6. Maka seseorang yang dalam pendapat mahkamah tidak patut diterima memberi keterangan dengan mengangkat sumpah atau membuat pengakuan itu oleh sebab belum baligh hendaklah diterima memberi keterangan selepas dianya diperingatkan oleh mahkamah supaya bercakap benar, dengan sebenarnya dan tidak dusta melainkan sebenar-benarnya.

Bentuk sumpah dan pengakuan.

7. Sumpah dan pengakuan yang diangkat menurut bab 4 atau bab 5 hendaklah diberi menurut sebagaimana bentuk dan menurut tertib yang ditetapkan oleh Hakim Besar, dan sehingga peraturan-peraturan yang tersebut itu diperbuatkan maka hendaklah menurut bentuk dan tertib yang ada terpakai sebelum permulaan kuatkuasa Akta ini.

Kuasa mahkamah menawar sumpah atau pengakuan yang tertentu.

8. Sekiranya mana-mana pihak atau saksi di dalam sebarang bicara itu memberi keterangan atau, bila diajak bersumpah, bersetuju memberi keterangan itu dengan mengangkat sumpah atau pengakuan menurut bentuk yang lazim di dalam kalangan atau yang diakui terpakai oleh orang-orang dari puak atau agama orang itu, dan bukan berlawanan dengan keadilan atau adab bahasa, dan bukan bermaksud menyentuh mana-mana orang yang ketiga, dan sekiranya mahkamah itu memikir patut maka bolehlah ia mengikhtiar supaya sumpah atau pengakuan tersebut ditawarkan kepadanya, iaitu dengan tidak mengindah apa-apa yang terkandung dalam Akta ini terdahulu.

9. (1) Sekiranya mana-mana pihak dalam sesuatu bicara yang berupa bicara sivil itu menawar dirinya akan terikat oleh sebarang sumpah atau pengakuan seperti tersebut dalam bab 8, dan sekiranya sumpah atau pengakuan seumpama itu dilakukan oleh pihak yang lain atau oleh mana-mana saksi dalam bicara tersebut, maka bolehlah mahkamah itu, sekiranya ia memikir patut, menanya pihak atau saksi yang tersebut, atau mengikhtiar supaya ia ditanya adakah ia mahu mengangkat sumpah atau pengakuan itu atau tidak.

Aturan manakala satu pihak menawar akan terikat oleh sumpah atau pengakuan.

Dengan syarat iaitu tidak suatu pihak atau seorang saksi pun akan dipaksa menghadiri sendiri dalam mahkamah hanya semata-mata kerana maksud menjawab soalan seumpama itu.

(2) Sekiranya pihak atau saksi yang tersebut itu bersetuju mengangkat sumpah atau pengakuan yang tersebut maka bolehlah mahkamah itu memberi sumpah itu, ataupun, jikalau lebih mudah, memberi kuasa kepada mana-mana orang supaya memberi sumpah itu dan mengambil keterangan dari orang yang hendak diangkat sumpah atau pengakuan itu, dan memberinya balik kepada mahkamah itu.

(3) Maka keterangan yang diberi demikian, yang menentang orang yang menawar dirinya hendak terikat seperti tersebut tadi, adalah menjadi dalil yang muktamad atas perkara yang dinyatakan itu.

(4) Sekiranya pihak atau saksi itu enggan mengangkat sumpah atau pengakuan seumpama itu maka tidaklah dia akan dipaksa membuatnya, ataupun bahagian daripada bicara itu, akan bentuk sumpah atau pengakuan yang dicadang itu, halnya orang itu telah ditanya adakah dia mahu membuatnya dan dianya telah enggan, berserta dengan apa-apa sebab yang harus diberi olehnya terhadap keengganannya itu.

10. Maka tidak ketinggalan mengangkat sumpah atau membuat pengakuan, mengganti salah satu daripadanya dengan yang lain diantaranya, dan sebarang apa keganjilan dalam bentuk salah satu daripadanya itu diberikan akan membatalkan sesuatu bicara atau menyebabkan tidak boleh diterima apa-apa pun keterangan yang mana dalam halnya atau berkenaan dengannya ketinggalan, penantian atau keganjilan itu telah berlaku, ataupun akan menyentuh kewajipan seorang saksi itu menyatakan dengan benar.

Bicara dan keterangan tidak akan dibatalkan oleh ketinggalan sumpah atau keganjilan.

Orang-orang memberi keterangan wajib menyata dengan benar.

11. Maka tiap-tiap orang yang memberi keterangan atas sebarang perkara di hadapan mana-mana mahkamah atau orang yang diberi kuasa memberi sumpah dan pengakuan itu oleh Akta ini adalah wajib menyatakan dengan benar atas perkara yang tersebut.

Hukuman ringkas kerana berdusta dalam mahkamah terbuka.

12. (1) Sekiranya sesiapa memberi keterangan dalam mahkamah yang terbuka atas sebarang perkara di dalam sesuatu bicara, sama ada bicara, sivil atau jenayah, di hadapan Mahkamah Rayuan, Mahkamah Tinggi, atau Mahkamah Majistret, sama ada —

Penggal 22.

(a) memberi keterangan yang dalam pendapat mahkamah tempat bicara itu dihadapkan adalah keterangan yang dusta dalam mana bab 191 bagi Kanun Keseksaan dalam perkara yang penting ; ataupun

(b) membuat atau dibukti telah membuat dengan sengaja dan diketahuinya dua kenyataan yang berlawanan atau lebih atas kejadian atau kejadian yang diakui dalam suatu masalah yang penting, baik pun dalam satu pemeriksaan yang sama ataupun dalam dua pemeriksaan atau lebih, dan kenyataan berlawanan yang demikian itu telah dilaku di hadapan mahkamah di dalam mana bicara yang tersebut itu diadakan ataupun di hadapan mahkamah yang termaklum itu dan di hadapan mana-mana mahkamah atau mahkamah-mahkamah yang lain, dan sama ada benar atau dustanya keterangan yang tersebut itu boleh disahkan atau tidak ;

maka sahlah bagi mahkamah itu menghendaki saksi itu membuktikan (dengan serta-merta atau pada tarikh yang terkemudian) mengapa dia tidak patut dihukum dengan ringkas kerana memberi keterangan dusta itu dan kemudian, sekiranya saksi itu tidak dapat membuktikan demikian, menghukum akan saksi itu dengan ringkas kerana menghina mahkamah —

- (i) dengan hukuman penjara selama 3 bulan dan denda sebanyak \$4,000, iaitu manakala mahkamah itu ialah Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Tinggi ;
- (ii) dengan hukuman penjara selama satu bulan dan denda sebanyak \$1,000, iaitu manakala Mahkamah itu ialah Mahkamah Majistret.

(2) Apabila sesuatu kuasa yang diberi oleh bab ini dijalankan oleh Mahkamah Tinggi atau Mahkamah Majistret, maka orang yang kena hukum itu hendaklah mendapat hak mengambil seumpama dianya telah dihukum selepas bicara yang diadakan menurut syarat-syarat bagi undang-undang berhubung dengan aturan jenayah yang ada berjalan pada masa itu, dan, dengan tertakluk kepada syarat-syarat dari cerai (3) dalam bab ini serta dengan segala ubahan-ubahan yang perlu, hendaklah syarat-syarat bagi undang-undang yang tersebut itu dituruti berkaitan dengan sesuatu rayuan yang tersebut itu.

(3) Seseorang yang dihukum oleh Mahkamah Tinggi atau Mahkamah Majistret menurut cerai (1) dalam bab ini hendaklah diberitahu tentang haknya merayu menentang hukuman itu, dengan serta-merta selepas hukuman tersebut itu dijatuhkan.

(4) Apabila notis rayuan itu diserahkan oleh seseorang yang dihukum menurut bab ini maka hendaklah Mahkamah Tinggi atau Mahkamah Majistret yang telah menghukum itu mengganggu penyempurnaan hukuman tersebut, dan hendaklah ia membebaskan orang yang kena hukum itu dengan syarat-syarat yang dijamin oleh batang tubuh dirinya saja.

(5) Maka gantinya menjalankan kuasa hukuman ringkas yang diberi oleh cerai (1) dalam bab ini bolehlah mahkamah itu, jika difikirnya patut, menyerah dengan ringkasnya supaya orang salah itu dibicara di hadapan mana-mana mahkamah yang berkuasa, dan dalam perkara yang demikian hendaklah ia mewajibkan semua orang yang mana keterangan-keterangan mereka itu ditimbanganya penting supaya hadir serta memberi keterangan dalam bicara yang tersebut ; dan mahkamah tempat bicara itu hendaklah mengambil tahu tentang kesalahan itu seumpama kehendak-kehendak dalam perenggan (c) dari cerai (1) dalam bab 132 dan semua kehendak-kehendak bagi Kanun Peraturan Jenayah telah dituruti.

Penggal 7.

(6) Tidak suatu apa pun yang terkandung dalam bab ini akan dianggap melucutkan seseorang yang kena hukum menurut bab ini daripada sebarang hak merayu yang diberikan oleh undang-undang yang ada berjalan pada masa itu berhubung dengan aturan jenayah itu.

(7) Seorang yang telah menerima mana-mana hukuman penjara atau telah membayar sebarang denda yang diletak menurut bab ini tidaklah boleh dihukum sekali lagi kerana kesalahan yang serupa.